

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.1/2000

PENYERAGAMAN SYARAT NYATA DAN SEKATAN KEPENTINGAN YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN HAKMILIK TANAH

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan tentang tindakan pengemaskinian dan penyeragaman syarat nyata dan sekatan kepentingan yang terkandung dalam dokumen hakmilik tanah supaya menjadi lebih ringkas, tepat dan mudah diurus selaras dengan keperluan pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi Negeri Kelantan. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sidanganya kali ke 10/2000 pada 17/5/2000 telah menimbang dan bersetuju meluluskan penyeragaman tersebut.

2. Penyeragaman di atas juga selaras dengan Arahan Ketua Pengarah dan Galian Persekutuan Bilangan 8 Tahun 1997 bagi memastikan kandungan syarat nyata dan sekatan kepentingan dikemaskini dan diseragamkan bagi pelaksanaan SPTB dan mengelakkan kerumitan dalam kerja-kerja menyemak, memberi kod data dan membuat keputusan segera semasa urusan menentukan kelayakan pendaftaran sesuatu urusan.
3. Rumusan penyeragaman di atas telah menghasilkan Kod Syarat Nyata dan Kod Sekatan Kepentingan yang bersesuaian dengan SPTB, selaras dengan takrifan Kanun Tanah Negara dan mengandungi tujuh (7) digit.

CONTOH :

Kod Syarat Nyata :

- | | | |
|----|-----------------------|------------------|
| i) | Pertanian | (1) |
| | Tanaman Horticultator | (0101) |
| | Sayuran | (01) |
| | Sayuran sahaja | Kodnya : 1010101 |

- | | | |
|-----|------------------------|------------------|
| ii) | Bangunan | (2) |
| | Bangunan Kediaman | (01) |
| | Rumah sesebuah banglow | (0001) |
| | Rumah sesebuah banglow | Kodnya : 2010001 |

Kod Sekatan Kepentingan

Kod yang digunakan sebanyak 7 digit dan merangkumi 42 sekatan yang boleh diubahsuai tanpa menghilangkan maksud asal, iaitu 0000001-0000050.

4. Mesyuarat Kerajaan (MMK) turut menurunkan kuasa kepada PTG bagi menentukan perubahan pindaan kes demi kes yang seterusnya selepas SPTB diwartakan, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan MMK terhadap pindaan yang dilakukan itu.
5. Bagi tujuan klasifikasikan mana-mana kawasan tanaman termasuk tanaman makanan yang diusahakan meliputi keluasan 100 ekar atau lebih, adalah dikira sebagai termasuk dalam kategori tanaman kekal (komersial) dan mana-mana kawasan tanaman hortikultur yang diusahakan kurang dari 100 ekar maka ianya termasuk kategori tanaman makanan.
6. Manakala dalam mendefinisikan 'waris terdekat', takrifan hendaklah dirujuk kepada takrif yang ditetapkan menerusi Pekeliling PTG Bilangan 4/1994.
7. Dokumen teks penyeragaman syarat nyata dan sekatan kepentingan boleh disemak di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk rujukan dan salinannya akan disediakan.
8. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.

t.t
(Md. Yusuff bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :
YABrs.Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN 4485/(105)
BERTARIKH : 08 RABIULAKHIR 1421
10 JULAI 2000**